



MEMAHAMI QADHA' SOLAT DENGAN JELAS

Disediakan oleh : **QuranPro Academy**

www.quranproacademy.com

QADHA' SOLAT

Ita bertujuan
MENGGANTIKAN SOLAT
YANG PERNAH TERTINGGAL

QURANPAC
A CADEMY



Maknanya ialah
MENUNAIKAN SOLAT
DILUAR WAKTUNYA

Orang yang tertidur, hilang
akal, terlupa atau sengaja
meninggalkannya, **WAJIB**
qadha' solatnya

HUKUM MENINGGALKAN SOLAT

1 Kerana **Tertidur / Terlupa**

Jika seseorang itu meninggalkan solat fardhu kerana tertidur atau terlupa, maka dia **tidak berdosa / dimaafkan** dengan syarat [1] **tidur** itu bukanlah diniatkan untuk meninggalkan solat dan dia mampu untuk bangun sebelum keluarnya waktu solat dan [2] **terlupa** itu bukanlah disebabkan perkara yang melalaikan seperti berhibur dengan melayari media sosial.

HUKUM MENINGGALKAN SOLAT

2 Kerana Terhalang Dengan Halangan Tertentu

Jika seseorang itu meninggalkan solat fardhu kerana halangan tertentu seperti [1] tidak dapat berwudhuk / mandi wajib, [2] tidak dapat membersihkan diri dari najis, [3] badan terikat dan tidak mampu bergerak, maka dia **tidak berdosa tetapi dia wajib melakukan solat hormat waktu** sebelum keluarnya waktu solat.

HUKUM MENINGGALKAN SOLAT

3 Tanpa Sebab Yang Dibenarkan Islam

Jika seseorang itu meninggalkan solat fardhu tanpa sebab yang dibenarkan syara' maka dia **berdosa besar** dan wajib menggantikannya secepat mungkin serta bertaubat di atas kelalaianya itu.

QURAN
ACADEMY

NIAT QADHA' SOLAT - SUBUH

أَصَلَّى فَرْضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ
قَضَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

(Usolli Fardhas-Subhi Rak'atani Qadha'an Lillahi Ta'ala)

*“Sahaja aku Solat Fardhu Subuh dua rakaat
Qadha' kerana Allah Ta'ala”*

NIAT QADHA' SOLAT - ZUHUR

أَصَلِّ فَرْضَ الظَّهِيرَ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ
قَضَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

(Usolli Fardhaz-Zuhri Arba'a Raka'atin Qadha'an Lillahi Ta'ala)

*“Sahaja aku Solat Fardhu Zuhur empat rakaat
Qadha’ kerana Allah Ta’ala”*

NIAT QADHA' SOLAT - ASAR

أَصَلِّ فَرْضَ الْعَصْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ
قَضَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

(Usolli Fardhal-'Asri Arba'a Raka'atin Qadha'an Lillahi Ta'ala)

*“Sahaja aku Solat Fardhu Asar empat rakaat
Qadha' kerana Allah Ta'ala”*

NIAT QADHA' SOLAT - MAGHRIB

أَصَلِّ فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ
قَضَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

(Usolli Fardhal-Maghribi Thalatha Raka'atin Qadha'an Lillahi Ta'ala)

*“Sahaja aku Solat Fardhu Maghrib tiga rakaat
Qadha' kerana Allah Ta'ala”*

NIAT QADHA' SOLAT – ISYA'

أُصَلِّ فَرْضَ الْعِشَاءِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ
قَضَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

(Usolli Fardhal-'Isya'i Arba'a Raka'atin Qadha'an Lillahi Ta'ala)

*“Sahaja aku Solat Fardhu Isya’ empat rakaat
Qadha’ kerana Allah Ta’ala”*

WAKTU QADHA' SOLAT

- Qadha' Solat **boleh dilakukan pada bila-bila masa** (kecuali pada waktu wanita keluar darah haid atau nifas) walaupun pada waktu haram (seperti selepas solat subuh dan selepas solat asar dan sebagainya).
- Solat yang ditinggalkan ketika musafir, perlu mengqadha'nya dengan bilangan rakaat penuh, bukan rakaat yang diringkaskan (qasar).
- Qadha' solat boleh dilakukan secara berjama'ah asalkan kedua-duanya (atau lebih) ingin melakukan qadha' solat.

SOAL JAWAB “TINGGAL SOLAT”

Soalan : Saya dah banyak kali tinggalkan solat sehingga terlupa berapa banyak waktu solat yang telah ditinggalkan. Bagaimana saya hendak menggantikannya?

Jawapan : Anda wajib qadha' semua solat yang anda tinggalkan sehingga anda telah yakin solat yang ditinggalkan itu telah diqadha'kan.

Soalan : Bagaimana cara yang sesuai untuk saya lakukannya jika solat yang ditinggalkan itu sebanyak 20 tahun?

Jawapan : Setiap kali selepas anda tunaikan solat fardhu semasa, anda bangun semula untuk tunaikan solat qadha' pula. Anda lakukan itu secara konsisten selama 20 tahun.

Soalan : Bagaimana jika saya meninggal dunia sebelum sempat qadha' semua solat yang pernah saya tinggalkan?

Jawapan : Jika anda telah berazam dan telah melakukannya secara konsisten, mudah-mudahan ianya menjadi hujah anda bahawa anda sedang berusaha mengqadha' semua solat yang anda pernah tinggalkan dan Allah menerima其nya sebagai telah melunaskan kesemuanya, Insya-Allah.

SOAL JAWAB HAID DAN NIFAS

Soalan : Adakah solat yang wanita tinggalkan semasa di dalam tempoh datang haid / nifas perlu qadha'?

Jawapan : Tidak wajib qadha' tetapi jika ingin melakukannya, diharuskan dan tidak berdosa. Tetapi jika darah telah kering dalam waktu Asar, wanita itu wajib qadha' solat Zuhur atau telah kering dalam waktu Isya', wanita itu wajib qadha' solat Maghrib.

| Waktu berhenti haid | Perkara yang perlu dilakukan |
|---------------------------|--|
| Masih dalam waktu Isya' | <ul style="list-style-type: none">▪ Mandi wajib▪ Solat Isya'▪ Qadha' solat Maghrib |
| Masih dalam waktu Subuh | <ul style="list-style-type: none">▪ Mandi wajib▪ Solat Subuh |
| Selepas habis waktu Subuh | <ul style="list-style-type: none">▪ Mandi wajib |

| Waktu berhenti haid | Perkara yang perlu dilakukan |
|---------------------------|---|
| Masih dalam waktu Zuhur | <ul style="list-style-type: none">▪ Mandi wajib▪ Solat Zuhur |
| Masih dalam waktu Asar | <ul style="list-style-type: none">▪ Mandi wajib▪ Solat Asar▪ Qadha' solat Zuhur |
| Masih dalam waktu Maghrib | <ul style="list-style-type: none">▪ Mandi wajib▪ Solat Maghrib |

Imam An-Nawawi menjelaskan : **Pandangan yang lebih zahir ialah wajib solat Zohor jika sempat bertakbiratul ihram pada penghujung waktu Asar, dan wajib solat Maghrib (jika sempat bertakbiratul ihram) pada penghujung Isyak.**

SEMOGA ILMU YANG
DIHIMPUNKAN DALAM BUKU
RINGKAS INI DAPAT MEMBERI
MANFAAT YANG BANYAK
KEPADА ANDA